



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwpkb.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

WARGA MISKIN BANDAR MENDAPAT BANTUAN KERAJAAN SEBANYAK RM 259,700.00 DI BUKIT SELAMBAU, KEDAH

SUNGAI PETANI, 20 April 2012 – Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar mengadakan Program Ziarah Kesejahteraan Bandar di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) di sini hari ini. Program ini disempurnakan oleh YB Datuk M. Saravanan, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.

2. PPKB telah dilaksanakan oleh KWPKB bermula pada 1 Januari 2010 sehingga kini bertujuan membasmi kemiskinan di kawasan bandar dan meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat miskin di seluruh negara. PPKB memberi tumpuan kepada keluarga miskin di kawasan bandar yang berdaftar di bawah sistem eKasih dengan pendapatan isi rumah bulanan kurang daripada pendapatan garis kemiskinan (PGK). Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang diguna pakai kini dan status kemiskinan bandar yang berdaftar di bawah sistem eKasih seperti di Lampiran.

3. Sempena program ini, YB Datuk M. Saravanan, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar menyampaikan:

- i. **Bantuan bina baru rumah** kepada 5 orang ketua isi rumah yang bernilai **RM40,000.00** untuk setiap ketua isi rumah;
- ii. **Bantuan baik pulih rumah** kepada 5 orang ketua isi rumah yang bernilai **RM10,000.00** untuk setiap ketua isi rumah;
- iii. **Bantuan peralatan kesihatan** kepada 5 penerima yang bernilai **RM700.00** untuk setiap penerima;

- iv. **Bantuan peralatan perniagaan** kepada 5 penerima yang bernilai **RM1,000.00** untuk setiap penerima; dan
 - v. **Bantuan bakul makanan bernilai RM50.00** dan **sumbangan tunai bernilai RM150.00** seorang kepada 6 buah keluarga yang terpilih.
4. Dalam majlis yang sama juga, YB Datuk M. Saravanan bertemu dengan 8 orang peserta latihan kemahiran dan keusahawanan yang telah berjaya menjana pendapatan antara RM300.00 hingga RM2,000.00 setelah mengikuti program tersebut. Beliau juga melihat sendiri kehidupan golongan miskin di kawasan bandar ini dengan menziarahi rumah mereka. Sebanyak 6 buah rumah yang terpilih dalam sesi lawatan ini di samping menyampaikan bantuan makanan harian dan sumbangan tunai kepada keluarga yang terlibat.
5. Bantuan bina baru rumah yang diberikan semasa program di Bukit Selambau ini merupakan antara bantuan utama yang diberikan oleh KWPKB kepada rumah yang dhaif atau terlalu uzur, tidak selamat dan tidak ekonomik untuk dibaiki serta mempunyai bilangan isi rumah yang ramai. Bantuan ini bagi membolehkan keluarga miskin tersebut mempunyai kediaman yang lebih selesa dan sesuai untuk didiami.
6. Secara keseluruhannya, program-program kesejahteraan bandar yang dilaksanakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar telah dilaksanakan di beberapa buah negeri seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak seperti di Lampiran. Ini adalah untuk memastikan setiap warga miskin bandar berpeluang menjalani kehidupan yang lebih kondusif serta menjamin kesejahteraan hidup mereka yang seterusnya dapat meningkatkan kualiti hidup masyarakat di bandar. Diharap bantuan yang disalurkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar ini akan dapat membantu keluarga miskin untuk meringankan beban dalam menjalani kehidupan seharian.

Disediakan oleh:

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

20 April 2012
Sungai Petani, Kedah

Lampiran

PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN (PGK) BANDAR

KAWASAN	MISKIN TEGAR	MISKIN	MUDAH MISKIN	BERPENDAPATAN RENDAH (B40%)
	Isi Rumah (RM)	Isi Rumah (RM)	Isi Rumah (RM)	Isi Rumah (RM)
Semenanjung Malaysia	450	770	<1,440	Pendapatan antara 1,441.00 hingga 2,300.00
Sabah/Labuan	590	1,020	-sama-	-sama-
Sarawak	600	940	-sama-	-sama-

Status kemiskinan bandar yang berdaftar di bawah eKasih pada 9 April 2012 menunjukkan bilangan isi rumah miskin tegar ialah 12,535 di mana **Negeri Sarawak, Sabah, Kelantan dan Selangor** mencatatkan bilangan golongan miskin tegar yang ramai. Bilangan lengkap Ketua Isi Rumah (KIR) kemiskinan bandar adalah seperti senarai berikut :

Negeri	Miskin tegar	Miskin	Mudah Miskin
Johor	280	1717	2680
Kedah	259	920	1579
Kelantan	1649	5612	4328
Melaka	233	1701	1460
Negeri Sembilan	430	1415	2178
Pahang	159	995	2936
Perak	511	1763	1977
Perlis	235	1322	914
Pulau Pinang	334	2360	5269
Sabah	2766	4349	2479
Sarawak	3672	6113	3174
Selangor	999	2772	6737
Terengganu	670	5520	9485
WP Kuala Lumpur	224	1573	3326
WP Labuan	113	496	552
WP Putrajaya	1	10	19
Jumlah	12,535	38,638	49,093

Lampiran

**SENARAI PESERTA YANG BERJAYA MENJANA PENDAPATAN SELEPAS
MENGIKUTI PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN DAN KEUSAHAWANAN PPKB**

Bil	Nama	Jenis perniagaan	Purata pendapatan bulanan
1	Faridah binti Basir	Menjahit	RM1,000
2	Salma binti Shaari	Menjahit	RM370
3	Zainiza binti Zainul	Menjahit	RM350
4	Roslina binti Yusoff	Menjahit	RM500
5	Junaidah binti Mohd Salleh	Asuhan	RM600
6	Tamil Selvan a/l Perumal	Burger	RM300
7	Rohani binti Din	Bakso	RM300
8	Jamilah binti Abd Hamid	Menjahit	RM600

**RINGKASAN BANTUAN PROGRAM ZIARAH KESEJAHTERAAN BANDAR DI
BUKIT SELAMBAU**

BIL	JENIS BANTUAN	BIL. PENERIMA	RM (SEORANG)	JUMLAH (RM)
1	Bantuan bina baru	5	40,000.00	200,000.00
2	Bantuan baik pulih rumah	5	10,000.00	50,000.00
3	Bantuan Peralatan Perniagaan	5	1,000.00	5,000.00
4	Bantuan Peralatan kesihatan	5	700.00	3,500.00
5	Bantuan bakul makanan (RM50.00) dan sumbangan wang tunai (RM150.00)	6	200.00	1,200.00
JUMLAH				259,700.00

Lampiran

SENARAI PROGRAM KEMISKINAN BANDAR YANG TELAH DIADAKAN PADA TAHUN 2010, 2011 DAN 2012

- Program Bantuan Kesejahteraan Bandar Golongan Miskin dan Miskin Tegar di Hulu Selangor (21 April 2010)
- Program Bantuan Kesejahteraan Bandar Golongan Miskin dan Miskin Tegar di Sibu (14 Mei 2010)
- Majlis Penyerahan Bantuan Sewa Rumah Untuk Golongan Miskin dan Miskin Tegar Bandar di Bandar Negeri Melaka (12 Jun 2010)
- Majlis Penyerahan Bantuan Sewa Rumah Untuk Golongan Miskin dan Miskin Tegar Bandar di Bandar Johor Bahru (16 Jun 2010)
- Program Bantuan Kesejahteraan Bandar Golongan Miskin dan Miskin Tegar Parlimen Johor Bahru (30 Julai 2010)
- Program Bantuan Rumah Dan Sumbangan Aidiladha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar di Langkawi (16 November 2010)
- Program Kesejahteraan Bandar di Labis, Johor (16 Januari 2011)
- Program Bantuan Kesejahteraan Bandar di Bandar Muadzam Shah, Kedah (24 Januari 2011)
- Majlis Penyerahan Program Bantuan Kesejahteraan Bandar di Merlimau, Melaka (25 Februari 2011)
- Program Bantuan Kesejahteraan Bandar di Sandakan, Sabah (28 Mac 2011)
- Program Bantuan Kesejahteraan Bandar di Miri, Sarawak (5 April 2011)
- Program Bantuan Kesejahteraan Bandar di Kuching, Sarawak (9 April 2011)
- Program Bantuan Kesejahteraan Bandar di Sibu, Sarawak (13 April 2011)
- Program Ziarah Kesejahteraan Bandar di Batu Gajah, Perak (25 Jun 2011)
- Program Ziarah Kesejahteraan Bandar di Muar, Johor (26 Julai 2011)

- Program Ziarah Kesejahteraan Bandar di Bandar Seberang Jaya, Pulau Pinang (30 September 2011)
- Program Ziarah Kesejahteraan Bandar di Rembau, Negeri Sembilan (8 Oktober 2011)
- Program Ziarah Kesejahteraan Bandar di Tapah, Perak (10 Disember 2011)
- Majlis Perasmian Terminal Sejahtera Taman Seri Sentosa, Kuala Lumpur (22 Disember 2011)
- Majlis Perasmian Terminal Sejahtera Kg. Sg. Baru, Kampong Bharu, Kuala Lumpur (21 Februari 2012)
- Program Ziarah Kesejahteraan Bandar di Bentong, Pahang (27 Februari 2012)
- Program Ziarah Kesejahteraan Bandar di Kangar, Perlis (16 Mac 2012)
- Program Ziarah Kesejahteraan Bandar di Penampang, Sabah (16 April 2012)
- Program Ziarah Kesejahteraan Bandar di Bukit Selambau, Kedah (20 April 2012)